

Dr Mahathir nilai ringgit ditambah

EH - 16/3/2006

PUTRAJAYA: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berpendapat kenaikan harga minyak di pasaran dunia dapat diserap kerajaan jika nilai ringgit diperkukuhkan.

Sambil menegaskan nilai ringgit sekarang di bawah nilai sebenar, beliau berkata, pengapungan ringgit kepada dolar Amerika Syarikat (AS) menyebabkan harga minyak turut naik, jika nilai mata wang itu naik.

Katanya, jika ringgit tidak terlalu bergantung kepada dolar Amerika dan ringgit kukuh, kerajaan tidak perlu menaikkan harga runcit petrol, diesel dan gas petroleum cecair 30 sen, masing-masing seliter dan sekilogram pada 28 Februari lalu.

Beliau mencadangkan ringgit ditambah pada nilai tertentu dan dagangan ringgit di pasaran mata wang dibekukan.

"Kita pernah lakukan sebelum ini dan mendapat faedah daripada tambatan ini," katanya selepas menga-

dakan dialog dengan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Malaya (UM) di sini, semalam.

Julai lalu, kerajaan memutuskan menghapuskan tambatan ringgit kepada pengapungan terurus berbanding sekumpulan mata wang.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata, kenaikan harga runcit petrol 30 sen itu tidak besar berbanding harga minyak dunia yang melonjak daripada AS\$30 kepada AS\$70, iaitu kenaikan lebih 100 peratus.

Beliau berkata, rakyat tidak biasa dengan kenaikan harga barang seperti yang berlaku di negara lain dan orang ramai tidak menganggap kenaikan harga sebagai perkara biasa.

Ditanya mengenai pengapungan terurus ringgit berbanding sekumpulan mata wang, beliau berkata, tindakan itu difikirkan betul oleh kerajaan tetapi jika ringgit kukuh, kenaikan harga minyak di pasaran tempatan tidak terlalu besar.



BERTEMU BEKAS PEMIMPIN: Salah seorang Ahli Majlis Perwakilan Mahasiswa Universiti Malaya mendapatkan tanda tangan Tun Dr Mahathir pada majlis dialog di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya, semalam.